



**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA**  
**PROF. DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @SAHIBUDDIN, FASc**

SEMPENA

**Setahun Naib Canselor 7 Bersama UiTM : Kebersamaan Mencorak UiTM Melangkah Jauh**

**29 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)**  
**DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR (DATC),**  
**UiTM SHAH ALAM**  
**9.00 PAGI**

*Bismillahirrahmanirrahim,*

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

**Salam Jumaat, Salam sejahtera,**

**Salam UiTM Di Hatiku dan Salam Malaysia Madani.**

*Pohon meranti teguh berdiri,  
Angin berbisik di celahan dahan,  
Hutan menghijau kicauan bergema,  
Setahun bersama penuh erti,  
Universiti keramat menjadi pegangan,  
Asal usul bangsa dibawa bersama.*

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) pada hari yang penuh barakah ini.
2. Pejam celik, pejam celik, setahun saya telah bersama warga UiTM sebagai **Naib Canselor UiTM ke-7**. Sesungguhnya, pertemuan ini amat bermakna.

**Hadirin sekalian,**

3. Seperti yang semua sedia maklum, kita baru sahaja selesai menyempurnakan Istiadat Konvokesyen di Shah Alam. **Menyentuh Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-100** ini, telah tercipta seribu satu sejarah yang sangat istimewa.
4. Untuk julung-julung kalinya, keberangkatan Duli-duli Tuanku dari **tiga institusi diraja**, iaitu Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang yang diraikan dalam satu acara yang sama di UiTM. Kita akui, bahawa persiapan ini bukanlah suatu yang mudah. Namun, kita amat menghargai dan berbangga dengan keberangkatan tersebut.
5. **Istiadat Pemasyhuran Canselor UiTM dan Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Seni Kreatif** kepada kerabat diraja, merupakan acara yang memerlukan persiapan yang sangat rapi dan teliti.
6. Untuk makluman juga, alhamdulillah, pada Istiadat Konvokesyen ke-100 ini, kita telah menyediakan suatu ketetapan amalan untuk membuka Istiadat bagi setiap sidang, dengan bacaan ayat Suci Al-Quran yang disampaikan oleh pelajar UiTM, termasuk pelajar **program Plus Tahfiz UiTM**. Terima kasih Bahagian Hal Ehwal Islam kerana merealisasikan usaha ini. Dan, kita akan laksanakan **secara berterusan sebagai sebahagian dari gerak cara dalam istiadat konvokesyen termasuk acara rasmi universiti pada masa-masa akan datang**.
7. Untuk makluman, **program Plus Tahfiz UiTM** telah diwujudkan pada September 2018, berperanan mengekal dan memantapkan hafazan pelajar huffaz UiTM. Program di bawah ACIS yang **melibatkan seluruh fakulti dan cawangan UiTM** ini, telah mempunyai seramai lebih daripada 1,500 pelajar dan kini telah pun, menggraduatkan **735 huffaz**. Satu pencapaian yang membanggakan. Semoga universiti keramat ini terus diberkati Allah dalam perjuangannya untuk mendidik anak bangsa.
8. Di samping itu, syabas juga diucapkan kepada Jawatankuasa Konvokesyen yang komited melakukan yang terbaik dalam menjayakan acara yang berprestij untuk UiTM. Saya sangat berterima kasih serta bersyukur kepada Allah atas keizinan dan rahmat dari-Nya. Sama-sama kita doakan agar istiadat konvokesyen yang akan bersambung di UiTM Cawangan Sabah dan Sarawak pada minggu hadapan juga berjalan lancar. *Insya-Allah*.

**Hadirin yang dirahmati sekalian,**

9. Mengimbau kembali pada tahun lepas, sebaik sahaja menerima watikah dari KPT, saya melapor diri di UiTM dan disambut oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose, yang pada masa itu merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM.
10. Untuk pengetahuan semua, pada 4 November 2024 yang lalu, UiTM telah menerima pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM yang baharu, iaitu **Tan Sri Dato' Sri Mohd Khamil Jamil**.
11. Justeru, pada kesempatan ini, UiTM **merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih** kepada Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan, atas sokongan dan kerjasama beliau menerajui UiTM sebelum ini.
12. Manakala, kehadiran **Tan Sri M.K.**, yang juga alumni UiTM, amat dialu-alukan. Kami berbesar hati untuk menerima idea serta pandangan baharu bagi memperkuuh universiti keramat ini agar lebih berdaya saing sebagai sebuah universiti komprehensif di Malaysia.
13. Pada kesempatan ini, ingin dizahirkan rasa bangga dan bersyukur terhadap beberapa pencapaian UiTM dan warganya baru-baru ini.
14. Syabas diucapkan kepada **Profesor Madya Dr. Hartini**, yang dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, daripada lima anggota yang dilantik oleh Perdana Menteri.
15. Tahniah juga kepada **Profesor Dr. Anis Safura** yang diberi tanggungjawab sebagai Felo di Royal College of General Practitioners, United Kingdom. Dan syabas juga buat **Profesor Dr. Sazzli Shahlan** yang berjaya mendapat **tempat 5 yang teratas (Top 5)** dalam program **MRANTI Venture Co-Creation Pitching** untuk projek beliau.
16. Selain itu, tahniah diucapkan kepada **Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni** dengan kerjasama **Pejabat Komunikasi Strategik** dalam usaha mereka menganjurkan **Sambutan 25 tahun UiTM sebagai sebuah Universiti**. Penglibatan seluruh warga melalui lebih daripada 60 program yang telah dianjurkan merangkumi seluruh kampus UiTM, melambangkan **sinergi yang baik**.
17. Misalnya, program yang julung kali diadakan iaitu **Kayuhan Kapsul Merentas Kampus Cawangan** yang melibatkan **sekitar 3,500 kilometer**. Secara simboliknya, ia mempamerkan semangat bersatu dalam mencapai matlamat yang sama. Seterusnya, **Majlis Malam Gala** yang menjadi kemuncak sambutan 25 tahun juga, merupakan program yang telah berjaya menarik

alumni khususnya, dari pelbagai sektor dengan meraih keuntungan bersih **lebih daripada RM300 ribu**. Tahniah semua.

**Sidang hadirin sekalian,**

18. KPT telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menggalas tanggungjawab sebagai Naib Canselor UiTM, melalui surat lantikan yang diterima pada 2 November 2023 yang lalu. **Terima kasih kepada Menteri Pendidikan Tinggi atas kepercayaan ini.**
19. Secara peribadi, saya menerima peranan ini '*with a fresh perspective on UiTM, without any prior assumption*'.
20. Jejaknya langkah di sini, tidak putus-putus input yang diterima daripada pemegang taruh, pengurusan tertinggi, pengurusan kanan, dan seluruh warga UiTM, yang mana, masing-masing telah memberi kerjasama yang baik untuk menjelaskan operasi, permasalahan, penambahbaikan dan sebagainya.
21. Kami, kepimpinan UiTM amat **terbuka untuk menerima pendapat dan idea** yang disalurkan. Malah, turut juga menerima luahan ketidakpuasan dan apa yang terbuku di hati. Semua input tersebut, di ambil untuk dipertimbangkan tanpa mengenepikan tujuan asal penubuhan UiTM.
22. Seperti yang sering dimaklumkan sebelum ini, segala perancangan yang dibuat oleh pengurusan terdahulu, diteruskan. Ibarat "**Berjalan sampai ke batas, belayar sampai ke pulau**". Ini kerana semua keputusan yang telah ditetapkan adalah yang terbaik pada ketika itu. Dan penambahbaikan yang berterusan pula akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kesesuaian, tertakluk kepada keadaan dan kemaslahatan warga universiti.
23. Dalam Surah Al-Hashr ayat 18, Allah berfirman:  
*"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap jiwa memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok."*
24. Apa yang boleh dikupas dari ayat ini, bahawa kita perlu ada peningkatan dalam kualiti sebagai insaniah, yang bertanggungjawab atas setiap keputusan dan tindakan. Dalam konteks urusan universiti, perlu ada perancangan untuk masa depan yang **tidak hanya berorientasikan KPI dan PI semata-mata**, tetapi juga untuk bekalan hari akhirat.
25. Semenjak bersama universiti ini, saya rasa **bersyukur dan sangat berbangga** dengan UiTM. Dari semasa ke semasa, terdapat banyak pencapaian yang telah kita perolehi, tidak kira lah pencapaian pelajarnya, pencapaian universitinya, mahupun pencapaian dalam bidang sukan dan sebagainya.

26. Namun, bahtera UiTM bukannya kecil. Saya yang pernah menjadi Naib Canselor di UTeM sebelum ini, melihat UiTM perlu bergerak pantas dalam keadaankekangan dan liabiliti yang besar.
27. Memetik semula apa yang pernah dikatakan oleh **Klaus Schwab**, dalam amanat Naib Canselor awal tahun ini, iaitu "*It is not the big fish which eats the small fish, but it is the fast fish which eats the slow fish.*"
28. Bagaimana untuk menjadi ikan besar yang tangkas? **Semakin besar empayar, semakin besar perbelanjaan dan cabarannya.** Belum lagi kita bicarakan soal nilai mata wang yang menurun, dan kos taraf hidup yang sentiasa meningkat dari masa ke masa. Justeru, satu perubahan untuk penambahbaikan diperlukan.

**Warga UiTM yang dikasihi,**

29. Dalam konteks ini, dilihat bahawa **isu besar yang tidak dirasai oleh warga**, tetapi perlu kita tangani secara menyeluruh adalah berkaitan **tadbir urus universiti**. Oleh itu, tibalah masanya untuk pengurusan melihat semula dengan melakukan '**check and balance**' dalam semua operasi yang dijalankan.
30. *Check and balance* dalam tadbir urus organisasi adalah satu mekanisme untuk memastikan kuasa dan tanggungjawab dalam organisasi dikawal dan diawasi secara adil. Tujuannya adalah membantu organisasi mengekalkan etika, integriti, akauntabiliti, dan keberkesanan, melalui pemisahan dan pengawasan fungsi-fungsi penting. Misalnya, sebelum ini, sebanyak **20 PTj** berada di bawah seliaan Naib Canselor. Ia merupakan cabaran untuk menguruskan satu jumlah yang besar dalam struktur organisasi.
31. Dengan keluasan skop UiTM, **sekitar 8 hingga 12 PTj** disarankan secara langsung untuk berada di bawah seliaan secara terus Naib Canselor. Ini sejajar dengan amalan terbaik dalam **penyusunan semula dengan mengoptimumkan fungsi organisasi**, yang mengambil kira kesesuaian, keberkesanan dan kelancaran dalam sesebuah kepimpinan.
32. Jika melihat kepada universiti lain, skop seliaan adalah antara **5 hingga 10 PTj**, yang biasanya boleh diurus oleh Ketua Pegawai Eksekutif Universiti.
33. Berdasarkan Amanat Naib Canselor 2024, beberapa penstrukturan telah **berjaya direalisasikan** setelah mendapat mandat daripada Lembaga Pengarah Universiti (LPU). **Carta organisasi UiTM juga telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2024.** Melalui kajian menyeluruh terhadap punca kuasa, struktur semasa dan penambahbaikan, usaha ini bertujuan untuk memberikan **empowerment** atau **authority** yang sewajarnya kepada pihak berkaitan, demi memastikan keberhasilan agenda universiti. Antaranya:

- a) Pewujudan jawatan **Ketua Pegawai Digital (Chief Digital Officer)** selaras dengan aspirasi Kementerian Digital Malaysia;
  - b) **Penggabungan** Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM), Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI) dan ZAWAF;
  - c) **Penyusunan semula** beberapa PTj seperti MASMED, ILD, Ibu Pejabat Polis Bantuan, PALAPES, GESTURZ, Unit Endowmen dan Jabatan Hartanah;
  - d) **Memperhebat dan memperkasakan** Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni dengan tambahan fungsi berkaitan *Federal Government Relations* atau Jaringan Kerajaan; **dan**
  - e) Beberapa penambahbaikan terhadap **nomenklatur jawatan** telah dilaksanakan dengan tujuan memperkemaskan struktur organisasi, serta meningkatkan motivasi staf.
34. Untuk pengetahuan semua, UiTM sedang dalam usaha untuk menubuhkan **Unit/Jawatankuasa Ombudsman** sebagai satu entiti Pengawasan Dalaman atau *Internal Oversight*.
35. Selain itu, **pemerkasaan Pusat Pengurusan Risiko** dilihat relevan untuk memastikan prosedur operasi dipatuhi. Justeru, Ketua Jabatan perlu bertanggungjawab dan bijaksana dalam menilai prestasi, memastikan pelaksanaan tadbir urus dan memantau penggunaan sumber.
36. Pelaksanaan audit yang melibatkan pihak luar, seperti auditor bebas, badan kawal selia, atau wakil pihak berkepentingan untuk **memeriksa operasi organisasi**, mungkin merupakan salah satu inisiatif yang perlu diperkasakan selepas ini. **Keseimbangan kuasa dan had kuasa (limit of authority)** dalam organisasi dapat memastikan pelaksanaan keputusan strategik selaras dengan objektif organisasi. Setiap individu dan ketua unit perlu bertanggungjawab atas keputusan dan tindakan mereka.
37. UiTM telah mendapat pengiktirafan dari **The Institute of Internal Auditors Malaysia** yang merupakan Badan Profesional Audit Dalaman Antarabangsa. **Bahagian Audit Dalam** telah menerima Generally Conform (GC), iaitu tahap tertinggi dan kita merupakan antara tiga buah Universiti Awam yang diberi pengiktirafan ini.
38. *Insya-Allah*, dengan kerjasama yang baik daripada semua pihak, diyakini, kita dapat **mencegah sebarang penyalahgunaan kuasa** dan memastikan setiap fungsi dikawal dengan rapi. Selain itu, usaha ini dapat meningkatkan kepercayaan dan membina keyakinan pihak berkepentingan terhadap integriti universiti.
39. Dengan peluang yang ada ini, tahniah diucapkan kepada Bahagian Integriti atas usaha dan istiqomah mendidik warga mengenai **kesan ketidakpatuhan dan salah laku** menerusi pembudayaan integriti melalui **hebahan poster bersiri** seperti DNA INTEGRITI, AMBIL IKTIBAR,

AMBIL PEDULI dan KEMPEN ANTI GANGGUAN SEKSUAL, sejak awal tahun 2024. Natijahnya, warga akan lebih cakna dan bertanggungjawab, sekali gus membina keyakinan kepada kredibiliti UiTM.

**Para hadirin sekalian,**

40. Kita semua maklum, bahawa **cabaran pendanaan** adalah isu yang tidak boleh diambil ringan. Lebih-lebih lagi, dalam konteks UiTM sebagai universiti terbesar di Malaysia, sumber pendanaan yang mencukupi bukan sahaja penting untuk kelangsungan operasi harian, tetapi juga menjadi pemacu kepada inisiatif transformasi strategik universiti.
41. Secara keseluruhannya bagi peruntukan mengurus UiTM, *trend* pemberian **geran daripada kerajaan**; pada tahun 2023, UiTM menerima geran bernilai **1.89 billion ringgit**. Pada 2024 pula, kita menerima geran sejumlah **1.98 billion ringgit**, dan tahun depan iaitu 2025, kerajaan telah menaikkan 20 peratus peruntukan non-emolumen dengan meluluskan geran sejumlah **2.02 billion ringgit**.
42. Melihat kepada pendanaan yang kita terima ini, cukup-cukup **menampung bayaran gaji** sahaja untuk seluruh kampus UiTM. Ini tidak termasuk kos pembangunan infrastruktur serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
43. Kedudukan kewangan semasa UiTM adalah **negatif**. Untuk tahun ini sahaja, kita memerlukan peruntukan sebanyak 2.59 billion ringgit untuk emolumen dan biayaan pengoperasian universiti. Akan tetapi, baki dalam akaun kita sekarang ini adalah **negatif 142 juta ringgit**.
44. Walaupun kita menghadapi **situasi kewangan yang kurang memuaskan**, yang mana penyata kewangan menunjukkan **defisit selama untuk 3 tahun berturut-turut**, peranan universiti harus tetap diteruskan. Universiti perlu bergerak dengan bijak seperti mana yang telah dirancang. Kita mesti memastikan pengurusan kewangan yang telus, cekap, dan berhemat untuk memberikan nilai terbaik kepada pelajar dan warga universiti.
45. Kita perlu mempunyai jalan untuk meneroka potensi pembiayaan alternatif seperti *crowdfunding*, geran industri, serta memanfaatkan jaringan alumni yang luas untuk menyokong agenda Pendidikan UiTM.
46. Untuk geran penyelidikan pula, sehingga kini, jumlah geran penyelidikan yang kita peroleh dari geran nasional dan geran luaran, **melebihi 37 juta ringgit**.

47. Baru-baru ini, KPT telah mengiktiraf **Institut Seni Kreatif Nusantara** atau INSAN sebagai satu lagi **Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) Berpotensi di UiTM**, dengan penerimaan dana sebanyak **750 ribu ringgit setahun**. Tahniah diucapkan.
48. Tidak kurang hebatnya, bagi HICoE **Institute of Pathology, Laboratory and Forensic Medicine (i-PPerForM)**, pusat ini telah menerima **6.75 juta ringgit** untuk **pendanaan selama 3 tahun**. Tahniah sekali lagi diucapkan.
49. Melihat keadaan ini, sebenarnya kita masih ada ruang lagi untuk memenangi penawaran gerangan yang banyak di luar sana. Kita perlu lebih proaktif dalam mengubah **budaya kerja agar mampu untuk merentasi sempadan**. Itulah cabarannya. Penyelidik UiTM harus berani untuk mengetengahkan potensi penyelidikan dengan **lebih agresif**. Kemahiran mengenal pasti sumber pendanaan dan kemahiran dalam membuat kertas kerja harus diperhebatkan.
50. Apa lagi sumber yang kita ada? Yuran pengajian UiTM adalah yuran yang paling rendah di Malaysia. Melihat kepada keadaan semasa, kita perlu akur dengan cabaran dan keperluan kini. *Insya-Allah*, kita akan melaksanakan **Pelan Pendanaan Yuran Pengajian** dengan kelulusan daripada KPT. Selain itu, pendapatan dari **sumber dalaman** dan **rizab universiti**, seperti khidmat sewaan, latihan, dan unit ruang niaga UiTM sedikit sebanyak menyumbang kepada Tabung Amanah Universiti.
51. Dalam aspek kebajikan warga UiTM, Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) berperanan penting dalam menyalurkan bantuan kepada pelajar yang memerlukan. Sehingga September 2024, sebanyak **3.17 juta ringgit** bantuan zakat telah disalurkan kepada **lebih 5,900 penerima** yang layak. Unjuran sehingga hujung tahun 2024 menjangkakan keseluruhan bantuan yang bakal disalurkan ialah melebihi 6 juta ringgit kepada lebih 11,000 penerima.
52. Penyaluran dana ini adalah hasil daripada sumbangan zakat dari seluruh warga UiTM dan alumni. *Alhamdulillah*. Bukan itu saja, malah, kita juga menerima zakat perniagaan dari beberapa agensi korporat yang berjumlah **3.6 juta ringgit**. Untuk pengetahuan semua, **kita memperoleh**:
  - **Zakat Perniagaan PLUS Malaysia Berhad** bernilai **lebih 2.4 juta ringgit**,
  - **Bank Pembangunan Malaysia Berhad** bernilai **lebih 860 ribu ringgit**,
  - **Ambank** bernilai **90 ribu ringgit**; dan
  - banyak lagi.

53. Dana dari kolaborasi strategik industri melalui perjanjian persefahaman dan khidmat masyarakat, sumbangan alumni, endownmen, geran antarabangsa dan pelaburan hartaanah juga adalah sumber-sumber penting yang telah menampung keperluan universiti. Oleh itu, kita harus teruskan dan pergiatkan lagi usaha ini. Kesinambungan sumbangan zakat ini amat penting bagi memastikan pelajar dan warga UiTM yang memerlukan sentiasa terbela.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

54. Tidak lewat untuk diucapkan syabas kepada kontingen UiTM atas kejayaan cemerlang **menjuarai SUKIPT 2024** secara keseluruhan. **97 pingat yang diperoleh termasuk 38 pingat emas, mengatasi universiti lain.** Kejayaan ini adalah bukti dedikasi, semangat juang, dan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh semua atlet, jurulatih, dan pasukan sokongan. Teruskan usaha ini, dan jadikan kemenangan ini sebagai pendorong untuk terus gemilang.
55. Selain itu, suka untuk dikongsikan di sini, bahwasanya UiTM baru sahaja menerima **Pengekalan Status Swaakreditasi** daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) semalam. Berikan tepukan buat **InQKA dan seluruh warga** yang terlibat atas usaha yang gigih dan komitmen yang diberikan.
56. Sebagai sebuah universiti yang berakar pada perjuangan untuk memartabatkan bumiputera, UiTM sentiasa meletakkan keutamaan kepada keberhasilan pelajarnya, kecemerlangan penyelidikannya, dan pembangunan masyarakat. Pada masa yang sama, dunia hari ini menuntut kita untuk sentiasa kekal relevan dan mampu bersaing pada peringkat global.
57. Alhamdulillah, dengan berbaki lebih kurang sebulan, kita akan melangkah ke tahun 2025. Ini menyasarkan kita ke arah GRU2025 seperti yang disampaikan melalui Amanat Naib Canselor 2024, yang disambut baik oleh warga berdasarkan pelbagai pencapaian UiTM.
58. Syabas diucapkan kepada semua warga yang terlibat dari dahulu sehingga kini, kerana usaha pelaksanaan Program Transformasi UiTM dalam mendepani cabaran globalisasi masih berterusan.
59. Melihat kepada pengiktirafan global, pelajar dari Fakulti Perakaunan, misalnya, telah merangkul pencapaian luar biasa dalam peperiksaan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun atau ACCA yang diumumkan baru-baru ini. Saudara Danish Zafran Bazam dan Saudara Amin Zulharis, yang masing-masing mendapat tempat kedua bagi kertas **Advanced Financial Management** dan tempat keempat dalam kertas **Strategic Business Reporting (SBR)** pada peringkat dunia.

60. Bukan itu sahaja, Majlis Ministry of Higher Education: Elsevier Research Excellence Awards yang berlangsung malam tadi, melalui Fakulti Pendidikan, **Jurnal Asian Journal of University Education (AJUE)** iaitu Scopus Q1 telah mendapat anugerah Jurnal CREME dengan membawa pulang **8 ribu ringgit**.
61. Pada tahun ini juga, kita turut berbangga dengan penarafan universiti yang diperolehi. Walaupun penarafan universiti sekadar angka, tetapi ia merupakan **penanda aras yang membantu kita menilai kekuatan dan kelemahan**.
62. Melalui laporan dan analisis daripada Jabatan Penarafan, UiTM Global, kita dapat memahami bidang yang perlu ditambah baik serta mengenal pasti potensi untuk diterokai. Sehingga kini, alhamdulillah semua usaha telah membantu kepada kejayaan UiTM untuk berada pada **kedudukan ke-587 terbaik dunia dalam QS World University Rankings 2025**. UiTM turut mendapat kedudukan **ke-101 bagi universiti terbaik Asia melalui QS Asia University Rankings 2025**.
63. Walaupun kedua-dua penarafan ini, terdapat penurunan secara keseluruhannya, berbanding dengan tahun lepas, tetapi, sebenarnya ada peningkatan yang ketara bagi beberapa indikator utama dalam sejarah UiTM. Misalnya, QS World University Rankings 2025, indikator rangkaian penyelidikan antarabangsa, skor UiTM meningkat daripada 24.3 kepada 68.6 tahun ini dan ia adalah yang tertinggi dicapai oleh UiTM antara kesemua indikator QS World University Rankings 2025.
64. QS Asia University Rankings 2025 pula, UiTM mencatat peningkatan untuk skor tertinggi bagi indikator Rangkaian Penyelidikan Antarabangsa, Reputasi Majikan, dan Reputasi Akademik.
65. Tambahan lagi, laporan dari **Times Higher Education (THE)** baru-baru ini, UiTM mencatat pencapaian membanggakan, apabila tersenarai pada **kedudukan ke-136 dari 749 buah universiti di dunia dan tangga ke-3 di Malaysia selepas UKM dan UTM**, dalam edisi pertama menerusi **Interdisciplinary Science Rankings (ISR) 2025**.
66. Meskipun penarafan bukan agenda utama UiTM, tidak dapat dinafikan ia menjadi sebahagian daripada strategi universiti untuk memastikan kita **setanding dengan institusi pendidikan lain**. Penarafan ini membantu mengangkat reputasi universiti, bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di mata dunia. Ia juga membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan, sekali gus menyumbang kembali kepada masyarakat. Selari dengan tema “**menggapai ke langit, mengakar ke bumi**”.

67. Pernah saya katakan dahulu, usaha ini bukan gerakan individu atau *one-man show*, akan tetapi, kita semua **perlu bergerak bersama** sebagai satu pasukan dan tiada sesiapa yang terkecuali.
68. Maka, kukuhkan ukhuwah sesama kita dalam mencipta persekitaran dengan aura positif, agar UiTM terus maju cemerlang dengan berintipatikan “**excellence with soul**”.

**Seluruh warga UiTM yang dihargai sekalian,**

69. Apa jua perancangan, tidak kira siapa pun kita, prinsip 9R tidak dilupakan. Bagi 3R yang pertama, iaitu **Royal, Religion, Race**, misi ini perlu terus dikekalkan selagi UiTM tertakluk dibawah Akta 173(1A), menurut dan mengikut Peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.
70. 3R ini bukan sekadar di atas kertas dan bukan sekadar penganjuran program. Apa yang kita mahukan adalah **impaknya** kepada roh budaya, bahasa dan seninya yang menjadi identiti bangsa kita. Warga dan generasi kita perlu ditanamkan ‘*sense of belonging*’ – iaitu **rasa mengikat** kita semua kepada satu misi dan visi yang sama. Dalam konteks UiTM, **rasa mengikat itu sangat penting dalam mendukung perjuangan memperkasakan anak bangsa**.
71. Bagaimana caranya? Seperti yang diperkatakan tadi, melalui budaya, bahasa dan seni. **Budaya Melayu atau mana-mana etnik tempatan** adalah khazanah yang penuh dengan nilai dan hikmah. Ia boleh diterjemahkan melalui penggunaan busananya atau peralatan/ instrumen, dan dalam **Bahasa Melayu** pula, melalui muzik, lagu, puisi serta amalan.
72. **Memperkasakan seni tulisan jawi** bukan bermakna kita ke belakang, bukan bermakna kita menolak pemodenan, bukan juga sekadar sebuah karya, tetapi sebagai alat untuk mendidik, memperkuuh identiti, dan merapatkan jurang generasi. Sebagai contoh, kita telah seragamkan penggunaan tulisan jawi pada **tag nama, moto UiTM**, dan elemen dalam **format surat rasmi universiti** di seluruh kampus UiTM.
73. Sehubungan dengan itu, inisiatif Jabatan Perpustakaan harus dipuji. Satu pautan kepada **Repositori Persuratan Jawi** telah dibangunkan iaitu <https://mykm.uitm.edu.my/jawi/>. Pada 4 Oktober baru- baru ini, **Karnival Jawi UiTM 2.0** rancak berlangsung dengan pengisian forum dan pertandingan seni khat jawi. Menerusi **Projek Koleksi Khas Jawi**, sebanyak **871 koleksi jawi** dapat dihimpunkan dan usaha ini akan berterusan.
74. Dari inisiatif ini, syukur atas ke hadrat Allah SWT kerana kita telah menerima **sumbangan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** sebanyak **20 ribu ringgit** bagi pembelian pedestal Koleksi Khas Jawi @UiTM.

75. Di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mewujudkan **Repositori Khas Khazanah Melayu** yang menyimpan **5,862 koleksi bahan** berkaitan dengan institusi Melayu atau Alam Melayu yang boleh diperolehi secara fizikal dan boleh dicapai secara dalam talian. Antara kategori bahan adalah seperti Sistem Undang-Undang, Melayu Adat dan Budaya Melayu dan banyak lagi.
76. Tidak ketinggalan usaha melalui **Projek Galeri Islam Nusantara di UiTM Cawangan Sarawak**, yang berpotensi sebagai pusat rujukan utama mengenai perkembangan Islam di Borneo. Galeri ini sangat signifikan dalam usaha memelihara ilmu serta sejarah yang terdapat di Wilayah Nusantara.
77. Dalam konteks ini, kita berdepan cabaran globalisasi yang menuntut kita untuk menyesuaikan diri tanpa kehilangan identiti. Sebagai warga universiti, tanggungjawab kita adalah memastikan budaya dan seni tidak sekadar dipelajari tetapi dihayati dalam kehidupan harian. Besarlah harapan, untuk menjadikan UiTM ini sebagai institusi yang melahirkan bumiputera cerdik pandai, dan juga sebagai institusi yang menyatupadukan bangsanya.
78. Sebagai Naib Canselor, amat diharapkan agar **Pembitaraan Adiwangsa diperkasakan**. Perhatian dan pelaksanaan berterusan harus diberikan kepada 3 komponen ini iaitu, melaksanakan **Pelan Penggantian Bakat (Talent Retention)**, membangunkan **Pembudayaan Ilmu** dan merealisasikan **Kejayaan yang Tertangguh**.
79. Prinsip 6R yang seterusnya, iaitu **Relevant, Referred, Respected, Reduce, Recycle, dan Reuse**, terus menjadi panduan utama dalam semua perancangan strategik universiti. Setiap aspek ini mencerminkan komitmen UiTM terhadap pembangunan lestari dan inklusif.
80. Sebagai contoh, dalam dimensi **Relevant**, kita komited dalam menyokong dan memperkasakan komuniti OKU. Ini dibuktikan melalui Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM, yang berjaya memperoleh:
  - **Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Institusi Awam MSOSH: Premier Award 2024**; dan
  - **Malaysia Education and TVET Awards 2024 (META 2024): Outstanding Services and Support in Higher Education for Persons with Disabilities**.
81. Dalam dimensi **Referred**, UiTM sering disebut dalam konteks kejayaan sukan atau kebudayaan. Misalnya, pelajar UiTM Cawangan Perlis, Saudara Amsyar Sirhan Saifullah telah mempertahankan **kejuaraan remaja dunia kali kedua berturut-turut** di Kejuaraan Woodball Piala Dunia 2024 di Shaoxing, China.

82. Dimensi **Respected** bagi UiTM menggambarkan tahap pengiktirafan dan penghormatan yang diterima di peringkat nasional dan antarabangsa, berdasarkan pencapaian dan sumbangannya kepada pelbagai bidang. Misalnya, **UiTM dan Jabatan Peguam Negara** telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 30 Oktober yang lalu, yang memberi keutamaan kepada pelajar Fakulti Undang-Undang UiTM untuk menjalani latihan industri di Jabatan Peguam Negara. Pencapaian ini sangat bermakna kepada kita.
83. Untuk 3R seterusnya **Recycle, Reuse, dan Reduce**, UiTM akan terus melangkah ke hadapan dengan mengutamakan kelestarian sebagai sebahagian daripada komitmennya terhadap **SDG 12: Responsible Consumption and Production**. Salah satu inisiatif utama adalah pelaksanaan:
- Kempen Taknak Straw 2024, anjuran UiTM Cawangan Negeri Sembilan.
  - Program Trash To Cash, anjuran UiTM Cawangan Johor; **dan**
  - Penganugerahan Anugerah Hijau Melaka yang diterima oleh UiTM Cawangan Melaka daripada Kerajaan Negeri Melaka.
84. Banyak lagi inisiatif yang dilakukan oleh seluruh warga dalam menjadikan universiti ini contoh institusi pengajian tinggi yang memimpin dalam pemerkasaan budaya lestari. InsyaAllah, kita akan **terus istiqomah** mengintegrasikan prinsip 6R ke dalam budaya kerja.

**Para hadirin sekalian,**

85. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 dan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia 2023 – 2025 telah hampir ke penghujungnya. Fasa akhir UiTM2025 ini, merupakan **fasa melestarikan semua perancangan yang dirangka**. *Insya-Allah*, apa yang dipetakan untuk semua anjakan akan dimantapkan lagi melalui inisiatif **Pejabat Pengarah Peneraju** dan **Vice-Chancellor Special Project (VCSP)**. Terkini, dari 23 projek bernilai 3.5 juta ringgit, 56.5 peratus telah selesai, 8.7 peratus hampir selesai dan 34.8 peratus belum selesai.
86. Pejabat Transformasi Universiti sedang bekerja keras dalam menghasilkan kerangka UiTM untuk tahun 2030 ini. Usaha dan kaedah menggerakkan pelan strategik UiTM2030 kepada **Transformasi Berimpak Tinggi** atau **High Impact Transformation** secara bersinergi dan menyeluruh juga diperlihatkan. Ia perlu dilaksanakan melalui integrasi input-input penting daripada “suara” pemegang taruh di pelbagai peringkat demi memastikan pelan strategik yang dibangunkan ini melambangkan aspirasi, keperluan dan kehendak komuniti universiti keseluruhannya.
87. *Insya-Allah*, pembentangan akhir kerangka UiTM2030 akan dibincangkan dalam masa terdekat dan akan diuar-uarkan kepada warga semasa Amanat Naib Canselor 2025 nanti. Kini, persiapan **Takwim UiTM2030** iaitu perancangan tahun 2026 hingga tahun 2030, berada dalam Fasa 3 iaitu pembangunan struktur UiTM2030.

88. Pejabat Transformasi Universiti masih dalam usaha mendapatkan input daripada warga berkenaan dengan **Hala Tuju UiTM untuk 5 tahun akan datang** dan input ini penting dalam merangka perancangan strategik nanti. Beberapa kumpulan sasaran telah dikenal pasti untuk memberikan respon iaitu, ahli Majlis Pengurusan Kanan, ahli Majlis Profesor Universiti, dan staf bukan akademik bagi gred 44 ke atas. **Sehingga kini, hanya seramai 8.2 peratus telah memberi maklum balas.** Justeru, kumpulan sasaran ini di mohon untuk memberi kerjasama menjawab kaji selidik dalam masa terdekat.
89. Seterusnya, proses analisis dan pemurnian dokumentasi pada peringkat tertinggi pengurusan dan pakar bidang luaran yang dicadangkan oleh **Pengarah Peneraju mengikut 10 kumpulan fokus**, akan dilakukan, sebelum **Perancangan Strategik UiTM2030** dimuktamadkan.
90. “*We function within an integrated multisystem, one of which all subsystems strive for the same goals*”. Inilah penekanan yang akan kita gunakan untuk bergerak sebagai satu pasukan yang bersepada, walaupun memainkan peranan dan fungsi yang pelbagai.

**Keluarga UiTM yang dikasihi sekalian,**

91. Antara tanda akhir zaman, adalah begitu pantasnya masa berlalu. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ يُفْكِنَ الْعِلْمُ، وَتَكُثُرَ الرِّزْأَلُ، وَيَتَقَارَبَ الرَّمَانُ، وَتَظْهَرَ الْفَتْنَ، وَيَكْثُرَ الْهَرْجُ

Maksudnya: “*Tidak akan berlakunya Kiamat sehingga diangkat ilmu, banyaknya berlaku gempa, masa berlalu dengan pantas, terzahirnya fitnah-fitnah dan banyaknya pembunuhan.*” [Riwayat al-Bukhari (1036)]
92. **Setahun berlalu begitu pantas.** Justeru, ingin juga diingatkan kepada diri sendiri bahwasanya, hargailah masa dengan perkara yang bermanfaat dan memastikan kita terus bertanggungjawab dalam amanah di universiti keramat ini. Semoga Allah memudahkan semua urusan, menyatukan hati kita semua, menempatkan UiTM dan warganya ke maqam yang tinggi dan mulia. *Amin.*
93. Ucapan terima kasih kepada warga UiTM, alumni, rakan strategik, dan semua yang terlibat atas sokongan dan bersama saya dalam menjayakan agenda universiti.
94. **Semangat kebersamaan** ini akan membawa kita ke hadapan. UiTM bukan sahaja harus menjadi wadah perjuangan pendidikan bumiputera, malah sebagai platform yang merapatkan warga kepada budaya dan bahasa mereka sendiri. Seperti “**Serumpun Bak Serai, Sesusun Bak Sirih**”.

95. Marilah kita bersama-sama menanam rasa bangga, pada identiti yang kita bawa. Dengan roh dan semangat ini, kita akan terus melangkah maju, membawa bangsa Melayu dan bumiputera ke mercu yang lebih tinggi, tanpa melupakan susur galur warisan kita. *Insya-Allah.*

**Hadirin sekalian,**

96. Melihat kepada perkembangan **bencana banjir** di beberapa kawasan, di Perlis, Kelantan dan Terengganu yang terjelas teruk, diharapkan urusan mereka dipermudahkan Allah. Marilah kita bersama-sama mendoakan keselamatan dan kesejahteraan kepada warga UiTM serta masyarakat di sana. Kepada semua warga UiTM, tunjukkan keprihatinan dan semangat kesukarelawan dalam membantu mereka yang memerlukan.
97. Selepas ini, kita akan bersama-sama ke sesi yang seterusnya iaitu **sesi townhall**. Platform interaksi secara terbuka ini memberi ruang perbincangan jika ada soalan atau isu penting yang ingin diketengahkan.
98. Saya bersama-sama Ahli Mesyuarat Eksekutif Universiti akan mendengar dan menjawab persoalan yang diberikan. Dengan komunikasi dua hala ini, semoga dapat menyatukan dan membina kepercayaan antara kita.
99. Tidak lengkap dan tidak manis, andai sesi ini diakhiri tanpa **pantun**:  
*Bertanjak songket dihiasi benang,*  
*Berkain sutera bertinta keemasan,*  
*Berbusana segak seri bercahaya,*  
*Bersatu hati bangunlah membina peluang,*  
*Berganding bahu dalam perbincangan,*  
*UiTM maju, bangsaku kan terpelihara.*

**Sekian,**

**Wabillahi taufik wal hidayah,**

**Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**Sumber:**

**Pejabat Komunikasi Strategik**

**Universiti Teknologi MARA**

**29 November 2024**